

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PELANCARAN APLIKASI ATM-MYKAD
5 JULAI 2002

Syukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah perkenanNya kita dapat bersama-sama menjayakan majlis pelancaran Aplikasi ATM - MyKad pada petang yang berbahagia ini.

2. Langkah kerajaan untuk terlibat secara langsung dalam bidang `smart card' melalui projek Kad Pintar Pelbagaiguna Kerajaan (KPPK), adalah merupakan satu langkah bijak dan tepat, selari dengan perkembangan pesat era teknologi maklumat dan globalisasi. Projek ini yang telah dibangunkan sejak tahun 1999, di bawah aplikasi perdana MSC, telah berjaya menghasilkan kad pintar pelbagaiguna yang pertama di dunia yang mengandungi pelbagai aplikasi, gabungan aplikasi kerajaan dan aplikasi komersial. Kejayaan yang telah dihasilkan oleh anak-anak tempatan kita sendiri ini, menunjukkan negara kita juga mampu bersaing dengan negara-negara maju yang lain dalam bidang teknologi maklumat. Ia juga telah membuktikan bahawa kita bukan sahaja sekadar pengguna IT tetapi juga mampu dan berkebolehan menghasilkan produk-produk IT yang boleh dibanggakan.

3. Semasa KPPK atau `MyKad', dilancarkan dengan rasmi pada 5 September 2001, ia hanya mengandungi 4 aplikasi sahaja iaitu Kad Pengenalan, Lesen Memandu, Maklumat Imigresen dan E-Tunai. Sehingga setakat ini sebanyak 1.8 juta MyKad telah dikeluarkan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Pada pertengahan bulan Jun 2002 lepas MyKad menyediakan satu lagi aplikasi iaitu "Touch `N' Go". Pada hari ini MyKad maju selangkah lagi dengan siapnya satu lagi aplikasi baru iaitu aplikasi ATM. Keputusan untuk menyediakan aplikasi ini telah disarankan oleh YAB Perdana Menteri sendiri dalam Mesyuarat `Implementation Council' ke sebelas pada 23 Mac 2001. Keputusan ini telah dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu KPPK pada 23 Julai 2001 di Bank Negara Malaysia. Seterusnya mesyuarat tersebut telah bersetuju dari segi pelaksanaannya, MyKad dan Payment Multi Purpose Card (PMPC) di bawah Bank Negara akan menggunakan spesifikasi yang seragam untuk mewujudkan `interoperability' di antara kedua-dua kad tersebut. Aplikasi ini telah dibangunkan dengan kerjasama Bank Negara Malaysia, MEPS dan bank-bank serta Institusi Kewangan di Malaysia. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Pendaftaran Negara yang merupakan badan peneraju dalam projek MyKad. Ucapan tahniah dan syabas juga tidak lupa saya ucapkan kepada Bank Negara Malaysia, Bank-Bank, MEPS, GMPC Corporation dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membangunkan dan menjayakan aplikasi ini.

4. Adalah menjadi harapan saya dengan adanya aplikasi ATM ini akan menjadi faktor pendorong untuk menarik lebih ramai lagi terutama bagi penduduk di sekitar kawasan Lembah Klang dan Koridor Raya Multimedia (MSC), untuk memiliki MyKad. Namun pengeluaran kad dalam jumlah yang besar tidak akan membawa apa-apa makna jika sekadar untuk disimpan sahaja. Dengan adanya aplikasi ini adalah diharapkan ianya akan mempertingkatkan lagi penggunaan MyKad itu sendiri. Dengan itu pelaburan dan kos yang dibiayai oleh kerajaan untuk membangunkan aplikasi-aplikasi dalam MyKad tidaklah sia-sia. Bagi pihak bank-bank dan institusi-institusi kewangan tempatan pula adalah diharap aplikasi ini akan memberi faedah yang besar kepada mereka. Dengan penggunaan teknologi chip, MyKad mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi jika dibandingkan dengan kad ATM sekarang yang

menggunakan `magnetic strip`.

5. Projek MyKad yang dilaksanakan secara perintis sejak tahun 1999 kini berada di peringkat akhir dan akan dapat disempurnakan sepenuhnya tidak lama lagi. Dijangka aplikasi terakhir iaitu Prasarana Kekunci Awam (PKA) akan dimuatkan dalam MyKad pada penghujung tahun ini. Dengan sempurnanya pembangunan aplikasi-aplikasi ini, MyKad merupakan satu kejayaan dan pencapaian yang boleh dibanggakan bukan hanya sekadar di peringkat dalam negara sahaja bahkan juga di arena antarabangsa. Saya difahamkan Jabatan Pendaftaran Negara kerap menerima kunjungan delegasi-delegasi dari luar negara untuk mengetahui dan melihat dengan lebih jelas pelaksanaan projek MyKad. Rata-rata dari mereka telah memuji dan tertarik sekali dengan kejayaan dan kemampuan kita dalam menghasilkan kad pintar pelbagaiguna. Ada juga negara yang telah meminta bantuan Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan projek kad pintar pelbagaiguna di negara mereka. Minat dan kecenderungan yang telah ditunjukkan oleh negara-negara luar ini membuktikan keyakinan dan pengiktirafan mereka terhadap teknologi kad pintar yang telah di bangun dan dihasilkan oleh kita. Justeru itu teknologi yang telah kita bangunkan itu, tidak seharusnya dibataskan sekadar untuk mengisi keperluan sendiri sahaja. Kita seharusnya mengambil peluang meneroka dan mengeksport teknologi tersebut ke pasaran antarabangsa. Untuk mencapai matlamat tersebut, kita perlu mempertingkatkan kemampuan kita agar pihak luar benar-benar yakin dengan teknologi yang telah kita hasilkan. Selaras dengan matlamat dan hasrat yang dinyatakan tadi, sudah tibalah masanya projek MyKad diperluaskan ke seluruh negara. Pelaksanaan MyKad untuk peringkat nasional wajar dipercepatkan daripada jadual asal iaitu tahun 2003, untuk membuktikan bahawa teknologi dan sistem yang telah kita bangunkan di peringkat perintis, kini mampu diperluaskan ke seluruh negara.

6. Sejalan dengan perkembangan era teknologi maklumat yang bergerak dengan pesat dan pantas, kita seharusnya peka dan sensitif dengan teknologi-teknologi baru dan terkini untuk memastikan MyKad maju selari dengan teknologi semasa. Dengan penggunaan teknologi terkini yang lebih canggih adalah diharapkan pelaksanaan MyKad peringkat nasional nanti akan menawarkan aplikasi- aplikasi baru yang mampu menyediakan pelbagai kemudahan kepada sebahagian besar lapisan rakyat jelata dalam menjalani urusan harian mereka dan ini secara tidak langsung akan mempertingkatkan lagi penggunaan MyKad. Melalui pelbagai kemudahan yang ditawarkan oleh MyKad, adalah diharapkan ianya akan memudahkan urusan orang ramai dalam menjalani urusan harian mereka bukan sahaja yang melibatkan dengan perkhidmatan kerajaan tetapi juga dengan pihak swasta. Dan yang paling penting sekali penggunaan MyKad akan dapat mengatasi masalah penipuan dan pemalsuan.

7. Akhir sekali, saya sekali lagi merakamkan setinggi- tinggi penghargaan kepada Jabatan Pendaftaran Negara sebagai agensi peneraju utama projek MyKad, Bank Negara Malaysia, bank-bank serta institusi kewangan tempatan, MEPS dan GMPC Corporation yang telah sama-sama membangunkan dan menjayakan aplikasi ATM-MyKad. Kita seharusnya berbangga dengan kejayaan kita dalam melaksanakan projek Kad Pintar Pelbagaiguna Kerajaan yang merupakan salah satu daripada aplikasi perdana MSC yang telah dapat direalisasikan. Semoga kejayaan ini akan dapat menjadi sebahagian daripada pemangkin ke arah mencapai cita-cita kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

8. Dengan kata-kata tersebut, saya sukacita melancarkan Aplikasi ATM - MyKad.

Terima kasih.